DREAM CRUISES

StarDream Cruises Unveils 2026 Asia Experiences and Celebrates Dream Cruises 10th Anniversary.

Announced during a Raya Open House onboard Genting Dream ahead of its first 2026 Port Klang sailing.

20 April 2026: StarDream Cruises unveiled its 2026 highlights during a Raya Open House onboard Genting Dream, coinciding with her first 2026 Port Klang sailing.

[22 April 2026, Port Klang, Malaysia] – Staying true to its **"Knows Asia Best"** brand promise, StarDream Cruises — home to **StarCruises** and **Dream Cruises** — is bringing the best of Asia closer to Malaysians with an expanded and exciting line-up of sailings from **Port Klang**, Singapore and across the region in 2026.

Marking the start of **Dream Cruises' 2026 sailing season from Port Klang**, the cruise line's flagship ***Genting Dream*** **made her first departure on 20 April 2026**, ushering in a vibrant year of celebrity-led experiences, destination-inspired itineraries and world-class lifestyle entertainment at sea in celebration of Dream Cruises' 10th anniversary. The announcement was made during a special **Raya Open House** onboard ***Genting Dream***, which coincided with **her inaugural 2026 sailing from Port Klang**.

Guests can look forward to an exciting line-up of special, star-powered sailings, featuring **Chef Tommie Lee (also known as French Papa)** from *Culinary Class Wars* from **3–5 May 2026**, the debut of **Forever Broadway** in **June 2026**, **Amotti** from Netflix's *Physical: 100* from **26–28 July 2026**, and rising K-pop group **KIIRAS** from **25–27 October 2026**.

To mark the milestone, Dream Cruises has launched a limited-time anniversary promotion, offering guests a **Buy One Get One Free deal on all Genting Dream sailings**, while **the 3rd and 4th passengers sharing the same cabin enjoy a special rate of only RM10 per person.**

Maybank Mastercard and Visa credit card members will also enjoy an additional **5% off all Dream Cruises and StarCruises sailings**, exclusively available on **www.StarDreamCruises.com**, offering the perfect opportunity for guests to experience the StarDream Cruises fleet at exceptional value.

Adding to the excitement, its sister brand **StarCruises** will present a special highlight as ***Malaysia's beloved culinary icon Chef Wan makes a highly anticipated return at sea aboard Star Voyager.*** **He will headline a special 3Night Phuket–Penang sailing from Port Klang (22–25 May 2026),** bringing his signature local flavours to life through an exclusive culinary showcase, enriched with his vibrant storytelling. Guests will also have the opportunity to enjoy his specially curated dishes at The Lido buffet, making the experience even more memorable, perfectly timed for the local school holidays.

This will be followed by two additional **2 Night Phuket cruises departing from Port Klang on 25 and 27 May 2026**. More exciting sailings from Singapore will also be available, offering even greater flexibility for regional travellers.

Homegrown in Asia with a strong connection to Malaysia, StarDream Cruises continues to deliver thoughtfully curated experiences tailored to diverse travellers. Guests can indulge in a world-class culinary journey featuring international cuisines, alongside **certified Halal and Jain vegetarian dining options**, offering added convenience and peace of mind, especially for Muslim travellers.

Beyond onboard entertainment and dining, StarDream Cruises is also bringing guests closer to some of Malaysia's most **sought-after leisure destinations**, with short getaway sailings to **Penang, Malacca, Pulau Redang, Tioman Island and Pangkor Island**. These itineraries not only provide easy, hassle-free escapes for families and holidaymakers, but also support inbound tourism and showcase Malaysia's rich coastal and island offerings.

Across its growing network, StarDream Cruises connects travellers to **more than 50 destinations throughout Southeast and East Asia**, delivering a dynamic mix of themed entertainment, culturally inspired programmes and enriching experiences for guests of all ages.

For those seeking an elevated escape, **The Palace** — StarDream Cruises' exclusive "ship-within-a-ship" concept — offers luxurious suites, personalised butler service and premium privileges, creating a truly private and bespoke holiday experience at sea.

This rising demand for seamless, multi-destination holidays is reflected in the cruise line's strong regional performance, with StarDream Cruises recording **over 1.4 million inbound passenger arrivals** into **Malaysian ports** and **over 220,000 outbound passengers from Malaysia** since inception in 2022 until to date.

> *"This year, we are bringing together the very best of Asia — from its destinations and cuisine to its entertainment and culture — into one unforgettable holiday experience for our guests,"* **said Michael Goh, President of StarDream Cruises.** *"As Dream Cruises celebrates its 10th anniversary, we are proud to strengthen our presence in Malaysia and support* ***Malaysia's momentum towards Visit Malaysia 2026****. By homeporting in* ***Port Klang****, we are making cruising more accessible for Malaysians while positioning Malaysia as a key gateway for cruise travel across Asia,"* he added.

For more information and upcoming sailings, please visit **www.StarDreamCruises.com** or contact authorised travel partners.

StarDream Cruises: The Cruise Line that Knows Asia Best.

Officially launched on 26 March 2025, **StarDream Cruises** combines over three decades of cruising expertise, ushering in a new era of extraordinary voyages across Asia and beyond. The cruise line introduces two iconic brands — **StarCruises** and **Dream Cruises** — each offering a distinct experience that honours the legacy of their predecessors while elevating the standard for world-class cruising in Asia.

StarCruises brings affordable, lifestyle-driven cruising to the Asian market with intimate, mid-sized ships that accommodate up to 2,000 guests, offering a more personal cruising experience across Southeast and East Asia aboard the *Star Voyager* and *Star Navigator* cruise ships. Meanwhile, **Dream Cruises** redefines luxury cruising with expansive ships that cater to more than 3,000 guests, offering exclusive privileges and premium amenities. The Genting Dream, Dream Cruises' flagship, is homeported in Singapore year-round, sailing to various destinations in Malaysia, Thailand and Indonesia.

With decades of experience in hospitality and cruising, StarDream Cruises is set to redefine the cruise experience, catering to a diverse range of markets, offering tailored experiences that appeal to various demographic segments.

StarDream Cruises Perkenalkan Pengalaman Baharu Asia 2026 Serta Meraikan Ulang Tahun Ke-10 Dream Cruises.

Diumumkan sempena Rumah Terbuka Hari Raya di atas kapal Persiaran Genting Dream, menjelang pelayaran sulung 2026 dari Pelabuhan Klang.

20 April 2026: StarDream Cruises memperkenalkan acara-acara utama 2026 semasa Rumah Terbuka Hari Raya di atas Genting Dream, bersempena pelayaran pertama 2026 dari Pelabuhan Klang.

[22 April 2026, Pelabuhan Klang, Malaysia] – Seiring dengan slogan **"Knows Asia Best", StarDream Cruises** — yang menaungi **StarCruises** dan **Dream Cruises** — terus memperkukuh komitmennya dalam mendekatkan pengalaman terbaik Asia kepada rakyat Malaysia dengan menawarkan rangkaian pelayaran yang lebih meluas dan menarik dari Pelabuhan Klang, Singapura serta pelbagai destinasi serantau sepanjang tahun 2026.

Musim pelayaran Dream Cruises 2026 dari Pelabuhan Klang bermula dengan penuh meriah apabila ***Genting Dream*** melancarkan pelayaran **sulungnya pada 20 April 2026**, sekali gus membuka tirai tahun yang penuh warna-warni dengan pengalaman berasaskan selebriti, itinerari berinspirasikan destinasi serta hiburan gaya hidup bertaraf dunia di atas laut sempena sambutan ulang tahun ke-10 Dream Cruises.

Pengumuman tersebut dibuat semasa **Rumah Terbuka Hari Raya khas di atas kapal persiaran Genting Dream,** yang turut bertepatan dengan pelayaran sulungnya bagi tahun 2026 dari Pelabuhan Klang.

Para tetamu bakal disajikan dengan pelbagai pelayaran istimewa dengan kehadiran bintang-bintang antarabangsa termasuk Chef Tommie Lee (French Papa) dari *Culinary Class Wars* pada 3–5 Mei 2026, kemunculan sulung *Forever Broadway* pada Jun 2026, Amotti dari Netflix *Physical: 100* pada 26–28 Julai 2026, serta kumpulan K-pop KIIRAS pada 25–27 Oktober 2026. Semuanya pasti membuat para tetamu teruja dan ternanti-nanti tibanya saat istimewa ini.

Bagi meraikan pencapaian ulang tahun ini, Dream Cruises menawarkan promosi masa terhad Beli 1 Percuma 1 untuk semua pelayaran Genting Dream, manakala penumpang ketiga dan keempat dalam satu kabin menikmati kadar istimewa hanya RM10 seorang.

Pemegang kad kredit Maybank Mastercard dan Visa turut menikmati diskaun tambahan sebanyak 5% untuk semua pelayaran Dream Cruises dan StarCruises yang ditempah melalui www.StarDreamCruises.com, menjadikan pengalaman pelayaran lebih bernilai dan berbaloi.

Selain itu, StarCruises yang juga di bawah kumpulan StarDream Cruises, turut menampilkan kemunculan istimewa Datuk Chef Wan di atas kapal persiaran Star Voyager, di mana beliau akan menjadi tarikan utama bagi pelayaran khas 3 Malam Phuket–Penang dari Pelabuhan Klang (22 hingga 25 Mei 2026). Sepanjang pelayaran, Datuk Chef Wan akan mengendalikan demonstrasi masakan secara langsung serta membawakan hidangan istimewa yang akan disajikan di restoran bufet Lido, menampilkan cita rasa tempatan sambil berkongsi cerita-cerita menarik dan menghiburkan, bertepatan dengan musim cuti sekolah.

Dua lagi pelayaran 2 malam ke Phuket akan ditawarkan, dengan pelepasan dari Pelabuhan Klang pada 25 dan 27 Mei 2026. Pada masa sama, lebih banyak pilihan dari Singapura turut tersedia, sekali gus memberikan fleksibiliti yang lebih meluas buat pelancong serantau.

Sebagai jenama yang diasaskan di Asia dan mempunyai hubungan erat dengan Malaysia, StarDream Cruises terus menawarkan pengalaman percutian yang memenuhi keperluan pelbagai jenis pelancong. Para tetamu boleh menikmati pengalaman gastronomi bertaraf dunia yang menampilkan pelbagai masakan antarabangsa. Ini termasuk pilihan makanan Halal yang diperakui serta menu vegetarian patuh Jain, sekali gus memberikan kemudahan dan keselesaan, khususnya kepada pelancong Muslim.

Selain hiburan dan pengalaman gastronomi di atas kapal, StarDream Cruises turut menawarkan pelayaran menarik ke destinasi percutian popular di Malaysia seperti Pulau Pinang, Melaka, Pulau Redang, Pulau Tioman dan Pulau Pangkor. Pelayaran ini memberikan pilihan percutian yang mudah dan menyeronokkan untuk keluarga serta pelancong. Pada masa yang sama, langkah ini turut menyokong pertumbuhan pelancongan masuk serta mengetengahkan keindahan pulau-pulau dan kawasan pesisir pantai Malaysia.

Melalui rangkaian destinasi yang semakin berkembang, StarDream Cruises kini menghubungkan pelancong ke lebih daripada **50 destinasi** di seluruh Asia Tenggara dan Asia Timur, sambil menawarkan gabungan dinamik hiburan bertema, acara yang diinspirasikan budaya serta pengalaman bermakna untuk tetamu pelbagai peringkat usia.

Bagi mereka yang mencari pengalaman percutian lebih eksklusif, ***The Palace*** — konsep premium "kapal dalam kapal" StarDream Cruises — menawarkan *suite* mewah, perkhidmatan *butler* peribadi serta faedah eksklusif, menjadikan pengalaman percutian di atas laut lebih peribadi dan tersendiri.

Peningkatan permintaan terhadap percutian ke pelbagai destinasi ini tercermin dalam prestasi kukuh StarDream Cruises di rantau ini. Sejak penubuhannya pada tahun 2022, syarikat pelayaran ini telah merekodkan lebih 1.4 juta ketibaan penumpang inbound ke pelabuhan-pelabuhan di Malaysia, serta lebih 220,000 penumpang outbound dari Malaysia sehingga kini.

> *"Pada tahun ini, kami membawakan yang terbaik dari Asia — merangkumi destinasi, kulinari, hiburan dan budaya — dalam satu pengalaman percutian pelayaran yang tidak dapat dilupakan untuk para tetamu,"* kata **Michael Goh, Presiden StarDream Cruises**. *"Sempena sambutan ulang tahun ke-10 Dream Cruises, kami berbangga untuk terus memperkukuh kehadiran di Malaysia serta menyokong momentum negara menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026. Dengan Pelabuhan Klang sebagai homeport, kami menjadikan pelayaran lebih mudah diakses oleh rakyat Malaysia, di samping memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai gerbang utama pelayaran ke seluruh Asia,"* tambah beliau.

Untuk maklumat lanjut dan pelayaran akan datang, sila layari **www.StarDreamCruises.com** atau hubungi rakan agensi pelancongan yang dilantik.

StarDream Cruises: Peneraju Pelayaran Asia

Dilancarkan secara rasmi pada 26 Mac 2025, StarDream Cruises menggabungkan lebih tiga dekad pengalaman dalam industri pelayaran, memulakan era baharu pelayaran luar biasa merentasi Asia dan destinasi sekitarnya. Jenama ini menampilkan dua kategori utama, StarCruises dan Dream Cruises. Masing-masing menawarkan pengalaman unik yang mengekalkan legasi terdahulu sambil meningkatkan standard pelayaran bertaraf dunia di Asia.

StarCruises memberikan pengalaman pelayaran gaya hidup yang mampu milik kepada pasaran Asia melalui kapal bersaiz sederhana seperti Star Voyager dan Star Navigator, manakala Dream Cruises menawarkan pengalaman pelayaran mewah dengan kapal besar seperti Genting Dream yang ditempatkan di Singapura sepanjang tahun.

Dengan pengalaman luas dalam hospitaliti dan pelayaran, StarDream Cruises komited untuk mendefinisikan semula pengalaman pelayaran bagi pelbagai segmen pasaran melalui tawaran yang disesuaikan mengikut keperluan demografik berbeza.